

Kuala Lumpur: Sebanyak 7,054 mangsa banjir masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) mem-babitkan Kelantan, Tereng-ganu, Perak dan Sabah se-takat 8 pagi semalam.

Selain itu, hampir 1,500 penduduk di pesisir pantai di Sabah terutama yang tinggal di rumah atas air dipindahkan ke PPS setakat ini, berikutan fenomena air pasang besar.

Di **Kelantan**, sebanyak 5,411 orang daripada 1,787 keluarga masih berada di PPS pagi semalam berban-ding 5,585 orang daripada

7,054 mangsa bah masih berada di PPS

1,835 keluarga malam kelmarin.

Pegawai Pengurusan Bencana dan Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kelantan, Kapten (PA) Mohd Hanif Omar memaklumkan kesemua mangsa banjir itu di-tempatkan di 18 PPS mem-babitkan Jajahan Pasir Mas dan Tumpat.

“Seramai 4,229 orang da-ripada 1,399 keluarga di-tempatkan di 12 PPS di Pa-sir Mas manakala 1,182

orang daripada 388 keluar-ga berada di enam PPS di Tumpat,” katanya dalam sa-tu kenyataan, semalam.

Di **Terengganu**, situasi banjir pagi semalam sema-kin baik dengan jumlah mangsa yang masih berada di PPS sudah berkurangan kepada 1,438 orang berban-ding 1,628 orang malam kelmarin.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Nege-ri (JPBN) dalam kenyataan memaklumkan setakat ini,

12 PPS masih beroperasi di empat daerah iaitu di Kuala Nerus yang menempatkan 1,090 mangsa; Besut (183); Kuala Terengganu (89) dan Marang (76).

Di **Perak**, Sekretariat JPBN memaklumkan bila-ngan mangsa banjir di ne-geri berkenaan setakat jam 8 pagi semalam sama se-perti malam kelmarin de-ngan 62 daripada 14 keluar-ga masih berlindung di PPS Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Abd Rahman

Talib (Smart) di Daerah Hi-lir Perak.

Di **Sabah**, mangsa banjir yang dipindahkan di Kota Belud kekal 143 orang da-ripada 58 keluarga pagi se-malam dengan 62 orang da-ripada 26 keluarga ditem-patkan di PPS Dewan Se-kolah Kebangsaan Pekan manakala selebihnya ber-ada di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa.

Sementara itu, jumlah penduduk di pesisir pantai

negeri berkenaan terutama yang tinggal di rumah atas air dipindahkan ke PPS aki-bat fenomena air pasang besar meningkat kepada 1,483 orang daripada 308 ke-luarga pagi ini berbanding 1,288 orang daripada 267 ke-luarga pada malam kelma-rin.

Seramai 684 orang dari-pada 122 keluarga dipindah-kan di sebuah PPS di San-dakan, 54 orang daripada 15 keluarga dipindahkan ke se-buah PPS di Kota Kinabalu manakala 745 orang dari-pada 171 keluarga dipindah-kan ke enam PPS di Pitas.